

17/08/1998

Kerosakan teknikal punca LRT Sistem Dua terkandas

KUALA LUMPUR, Ahad - Perkhidmatan LRT Sistem Dua yang dikendalikan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra-LRT), terkandas kira-kira 30 minit apabila mengalami kerosakan teknikal, tengah hari ini.

Jurucakap Pusat Operasi Putra-LRT berkata, masalah itu berlaku pada jam 3 petang menyebabkan beribu warga kota yang menggunakan perkhidmatan itu di pusat bandar raya dan Petaling Jaya, terkandas.

"Kami berjaya memulihkan operasi di kawasan terjejas dalam tempoh 30 minit.

"Bagaimanapun, pemulihan sepenuhnya mengambil tempoh lama dan kami menjangka ia akan menjejaskan kekerapan tren," katanya di ibu pejabat Putra-LRT di Lembah Subang, petang ini.

Operasi Putra-LRT bermula semalam dengan perkhidmatan percuma bagi orang ramai sehingga 31 Ogos ini diikuti operasi komersil pada 1 September.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat Putra-LRT, Zinlili Abdul Latif, berkata syarikat berkenaan terpaksa menghentikan operasi apabila menghadapi masalah pertukaran trek di laluan LRT Sistem Dua itu.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menjelaskan lebih lanjut masalah sebenar gangguan berkenaan atau lokasinya.

"Apabila kita menghadapi masalah dengan sebuah tren, kita terpaksa menghentikan operasi bagi keseluruhan sistem kerana ia berkait antara satu sama lain," katanya, di sini.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut tidak melepaskan peluang menaiki LRT tengah hari ini.

LRT Sistem Dua Putra-LRT adalah perkhidmatan rel laju kedua di ibu kota selepas Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT) yang mula beroperasi 16 Disember 1996.

(END)